


# Kejadian Sampai Abraham

Penulis: Evelyn Tan Hwee Yong



Ilustrasi: Jacqueline Molly Yong



# Kejadian Sampai Abraham

*Penulis: Tan Hwee Yong  
Pelukis: Jacqueline Molly Yong  
Siri Pelita Hidup*

# Kejadian Sampai Abraham

*Hakcipta@2017 Tan Hwee Yong (Upstream Publishing)*

Penulis: Evelyn Tan Hwee Yong

Pereka Kulit Buku Dan Pelukis: Jacqueline Molly Yong

Diterbitkan oleh: Upstream Publishing  
703 Block C Perdana Condo  
PJU 8/1 Damansara Perdana  
47820 Petaling Jaya

Dicetakkan oleh: Jess Concept

ISBN:

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian juga tidak dibenarkan disimpan dalam sistem pengeluaran semula, ataupun digunakan melalui alat elektronik tanpa izin daripada penulis dan penerbit.

# Kandungan

Tuhan Mencipta Dunia Ini

Adam dan Hawa

Kain dan Habel

Henokh

Nuh dan Bahteranya

Menara Babel

Abraham dan Sarai

Sarai Bukanlah Adik Abraham

Abram dan Lot Berpisah

Abram Mendapat Nama Baharu

Pemberian Anak Yang Dijanjikan

Abraham Dikunjungi Tetamu-Tetamu

Lot Diselamatkan oleh Tuhan

Kasih Allah Terhadap Abraham Diuji

Hagar dan Ishmael

# Kata Pengantar

Cara kita mengajar anak-anak yang berumur 9-14 tahun perlu diselidiki semula untuk memastikan akar-akar rohani mereka bertumbuh lebih dalam lagi. Bagaimana kita mengajar kebenaran sehingga anak kita lebih dewasa dalam kehidupan rohaninya? Anak-anak yang berumur 9-14 tahun sudah lebih matang dalam minda mereka. Jadi, pendekatan yang lebih mencabar dan teguh perlu diasaskan dalam hidup mereka.


Siri Pelita Hidup bertujuan meletakkan asas-asas doktrin alkitabiah yang kukuh dalam diri mereka. Ibu bapa juga harus mengetahui bahawa ajaran yang berkesan terjadi apabila minda anak diperkukuh oleh asas-asas doktrin. Selain mengajar doktrin, anak-anak perlu diajak untuk merenungi dan menerapkannya dalam kehidupan mereka supaya iman mereka hidup.

Pendekatan buku ini merupakan satu kajian saya untuk membajak lebih dalam lagi sewaktu mengajar anak-anak senior.

Selamat Mengajar Dan Membajak

*Cik Tan Hwee Yong*

**Bab Satu**  
**Allah Mencipta Dunia Ini**  
(Kejadian 1:1-2:4)



Pejamlah mata. Apakah yang kamu lihat? Ya, semuanya gelap. Ya, amat gelap dan belum ada bentuknya. Tidak ada terang.

Tahukah kamu pada mula-mulanya, dunia ini gelap?

Tiada laut atau ikan.

Tiada monyet yang lucu.

Tiada bunga yang harum.

Tiada burung yang berterbang di langit.

Pada mula-mulanya Allah mencipta langit dan bumi yang indah. Hanya Allah yang berada di situ!

Allah berfirman, "Biar dunia ini ada terang." Wah, terang pun ada! Allah melihatnya dan berkata, "Bagus!" Kemudian Dia memisahkan terang dan gelap. Yang terang dinamakan Allah "siang." Yang gelap dinamakan Allah "malam."

Itu hari pertama.

Pada hari esoknya, Allah menciptakan dunia yang indah. Dia memisahkan air dari laut dan jadikan bumi. Wah, langit pun ada dan awan-awan biru yang indah.

Itulah hari yang kedua.

Hari berikutnya, Allah berfirman, "Biarlah semua air berkumpul bersama." Semua air pun berkumpul. Tuhan memanggilnya laut. Setelah itu Allah berkata, "Biarlah tanah menjadi kering." Tempat yang kering ini dipanggil "tanah."

Allah berfirmanlah, "Biarlah bunga, pokok, buah-buahan dan sayur-sayuran bertumbuh di dunia."

Bunga-bunga yang harum seperti bunga ros, bunga raya dan bunga orkid bertumbuh indah. Buah-buahan seperti epal, oren dan durian bertumbuh manis. Sayur-sayuran seperti kangkung dan paku parkis pun bertumbuh hijau di bumi.

Itulah hari yang ketiga.

Hari berikutnya, Allah berfirmanlah, "Biar terang ada di langit." Mentari segera bersinar pada hari siang. Pada waktu malam bulan menerangi dunia dan bintang-bintang berkelip-kelip.

Itulah hari yang keempat.

Pada hari kelima, bunyi kicauan ceria terdengar di mana-mana. Allah membuat burung-burung berterbang gembira. Burung yang besar seperti helang berterbang tinggi. Burung pipit berkicauan merdu di cabang pokok. Burung-burung unta berlari pantas bagai pelari. Burung penguin tidak tahu berterbang tetapi pandai berenang pula.

Allah juga mencipta banyak ikan. Amboi, ikan paus biru yang besar, yang beratnya 150 kereta dicipta-Nya. Sang buaya dengan gigi yang tajam berpura-pura tidur di sungai. Tupai comel yang bersembunyi di lubang pokok. Monyet yang bergayut dari satu pokok ke pokok lain dengan ekornya.

Allah melihat semua yang dicipta-Nya lalu berkata, "Bagus, sungguh bagus."

Lalu Allah ingin mencipta seorang lelaki yang sangat istimewa. Dia mengambil debu dari tanah dan menghembus nafas-Nya. Seorang manusia pun hidup. Namanya Adam. Adam boleh bercakap dan bersahabat dengan Allah.

Adam diciptakan menurut gambaran Allah. Dia boleh berfikir, merasa, berbuat sesuatu yang indah, hidup dengan penuh kasih, penuh dengan damai, sabar, kreatif dan buat kerja dengan teliti. Dia boleh berdoa dan berjalan bersama Allah.

Allah mencipta satu taman indah yang dipanggil Eden. Di Eden sungainya mengalir jernih dan menjadi empat sungai kecil. Adam disuruh tinggal di Eden dan menjaga taman indah ini. Adam suka memberi nama-nama kepada binatang-binatang.

Allah melihat Adam tiada sahabat yang boleh bercakap-cakap dengannya. Dia berkata, "Tidak baik manusia hidup sendiri." Allah membuat seorang manusia cantik yang bernama Hawa untuk hidup bersama Adam.

Adam dan Hawa hidup sungguh dekat dengan Allah. "Tujuan tertinggi manusia adalah memuliakan Allah dan untuk menikmati-Nya selama-lamanya"

(Pengakuan Westminster). Hidup dan pikiran mereka berpusat pada Tuhan dan bukan pada diri sendiri.

Itulah hari yang keenam.

Apakah yang dibuat oleh Allah berikutnya?

Ya, Allah berehat. Dia tidak berbuat apa-apa lagi.

Itulah hari yang ketujuh.

## Saat Berbincang

1. Baca Kejadian 1:6, 9, 11, 14 dan Yohanes 1:1-3, 14. Lingkari perkataan yang sering muncul untuk menjelaskan Agen ciptaan dalam kisah ciptaan. Siapakah yang menciptakan dunia ini? Bagaimanakah dunia ini diciptakan?
2. "Penciptaan menggambarkan pemerintahan dan kuasa Allah. Allah mencipta dunia ini dengan hanya berfirman. "Berfirmanlah Allah: "Jadilah terang." Lalu terang itu jadi." (Kejadian 1:3). Dia seperti komandor yang memberi perintah dan semua pelayan-pelayannya menurut (Mazmur 33:6,9), (John M. Frame, *The Doctrine of God*).

Allah meminta kita memerintah dunia ini dan bukan merosakkan dunia ini (Kejadian 1:28). Tanam pokok dan bunga yang indah di dunia ini. Gunakan hasil alam dengan bertanggungjawab, jangan punahkan semua ikan di sungai. Penuhilah, taklukkanlah dan berkuasalah bererti kita harus bertanggungjawab untuk menguruskan yang diberikan oleh Pencipta dengan baik.

Sikap apakah yang diinginkan Allah daripada manusia sewaktu Dia mencipta dunia ini bagi mereka? (Kejadian 2:15)

## Ajaran Doktrin

1. Allah Maha Kuasa telah mencipta dunia ini dan tidak ada orang yang menciptakan Allah. Tuhan Yesus sudah ada sebelum dunia ini dan Dia Penciptanya. Tuhan Yesus, Bapa dan Roh Kudus sudah ada sebelum dunia ada (Yohanes 1:1).
2. Pengakuan Iman Rasuli Ayat Pertama  
"Aku percaya dalam Allah Bapa, Maha Kuasa, Pencipta syurga dan bumi."  
Apa artinya? Aku percaya Allah telah menciptakan saya dan segala yang hidup. Dia telah memberi aku tubuh. Tubuh serta jiwaku dipelihara kuasa-

Nya. Dia menyediakan aku makanan dan pakaian, rumah, keluarga dan pekerjaan sehari-harian. Dia juga melindungi aku daripada bahaya dan melindungi aku daripada segala yang jahat. Semua ini dilakukan-Nya kerana kasih seorang Bapa, kebaikan ilahi dan kurnia walaupun aku tidak layak menerimanya. Maka aku perlu bersyukur, memuji dan menurut-Nya. Ini sangat benar. (Martin Luther, Small Catechism).

## **Aktiviti Merenungi dan Menerapkan**

- Ambil waktu untuk memuji Allah kerana dia menciptakan kamu dalam gambaran-Nya. Baca Kejadian 1:26-27; Mazmur 139:13-16. Fikirkan cara kamu boleh hidup menurut gambaran-Nya.
- Berjalan-jalan dan menghayati keindahan ciptaan dan bersyukur kepada Allah Pencipta.

## **Renungan dan Doa**

Tuliskan doamu berdasarkan ayat-ayat berikut:

Dalam penyembahan kita kepada Pencipta:

Kita bersyukur kepada Pencipta (Wahyu 4:11)

---

Melayang mata kita kepada-Nya untuk pertolongan (Mazmur 121:2)

---


Kita mencari berkat-Nya (Mazmur 123:1-2)

---

## Bab Dua

# Adam dan Hawa

(Kejadian 2:8-3:23)



Allah sangat sayang akan Adam dan Hawa lalu Dia mencipta satu taman yang sungguh indah bagi mereka. Taman yang cantik ini penuh dengan bunga-bunga harum, rama-rama yang berwarna-warni, burung-burung yang berkicauan, serta pokok-pokok yang berbuah manis. Taman yang indah ini dipanggil Taman Eden.

Allah selalu bersama Adam dan Hawa dalam Taman Eden yang indah. Dia menjaga mereka seperti seorang Bapa dan bercakap dengan mereka selalu. Adam dan Hawa mendengar dan mengikut semua yang disuruh oleh Allah. Allah memberitahu Adam dan Hawa bahawa mereka boleh makan semua buah daripada pokok mana-mana pun kecuali yang berada di tengah-tengah taman itu.

Allah berkata kepada Adam, "Jangan kamu makan ataupun raba buah itu, nanti kamu mati."

Suatu hari ular yang licik datang ke Taman Eden. Dia berbohong kepada Adam dan Hawa. Ular yang lembut itu berpura-pura manis kepada Hawa dan berbisik, "Bukankah Allah berkata bahawa kamu tidak boleh makan buah daripada pohon-pohon di taman ini?"

Anak-anak, adakah Allah berkata begitu?

Tidak! Ular itu bohong!

Hawa menjawab, "Kami boleh makan semua pohon di taman ini kecuali pohon yang di tengah-tengah. Bukan sahaja tidak boleh makan, memegang pun tidak boleh. Jikalau kami pegang dan makannya, kami akan mati."

"Tidaklah, kamu tidak akan mati kalau makan buah pohon itu. Allah tahu kalau kamu makan buah itu, kamu akan menjadi seperti Allah. Kamu akan tahu apa itu baik dan apa itu jahat."

Hawa mendengar kepada ular itu dan melihat buah pada pohon itu. "Betapa baiknya kalau boleh menjadi pandai," fikir Hawa. Dia memetik beberapa buah dan makannya. Selepas itu dia memberi buah itu kepada suaminya dan mereka makan,

Sejenak itu, mereka menjadi pandai dan menyedari bahawa mereka telanjang. Mereka menggunakan daun-daun lalu menyambungunya untuk menutupi badan mereka.

Maka mereka menjadi sangat sedih kerana mereka tidak taat kepada Tuhan. Perasaan takut mencengkam mereka. Pada waktu petang, apabila mereka mendengar langkah Allah, mereka menyembunyikan diri di antara pokok-pokok.

"Adam dan Hawa, manakah kamu berdua?" tanya Allah.

"Kami takut dan sedang menyembunyi," jawab Adam.

"Adakah kamu makan buah yang Aku larang?" tanya Allah.

"Hawa memberi buah itu kepada saya," jawab Adam.

"Ular itu berkata buah itu boleh dimakan," kata Hawa.

Allah marah akan ular itu.

Bolehkah anak-anak teka apa yang Allah buat terhadap ular itu?

"Mulai hari ini engkau akan menjalar dan makan tanah seumur hidup. Aku akan membuat engkau dan keturunan Hawa saling membenci. Keturunan Hawa dan keturunanmu akan menjadi musuh. Engkau akan mematuk tumit mereka dan mereka akan menghancurkan kepalamu," kata Allah.

Hari itulah hari yang paling sedih bagi Allah, Adam dan Hawa. Adam dan Hawa tahu mereka sudah berbuat salah kerana mendengar kepada ular itu. Iblis itu musuh Allah dan manusia yang terbesar.

Kata Allah kepada Hawa, "Engkau akan sangat sakit sewaktu melahirkan anak. Sekalipun begitu engkau akan tetap ingin suamimu..."

Allah berkata kepada Adam, "Kamu harus bekerja keras kerana semak duri akan bertumbuh di ladang kamu. Kamu juga akan mati dan kembali kepada tanah.

Aku yang membuat kamu daripada tanah, maka kamu akan kembali ke tanah.”

Walaupun Allah marah akan Adam dan Hawa, Dia tetap sayang akan mereka. Dia membuat baju daripada kulit binatang bagi mereka. Allah mengusir mereka keluar dari Taman Eden. Beberapa malaikat ditugaskan untuk menjaga pintunya.

## Saat Berbincang

1. Apakah yang menyebabkan kamu menyembunyikan diri sewaktu Allah memanggil kamu?
2. Dalam hal apakah awak menurut perintah Allah, dan hal apakah yang membuat kamu degil dan tidak mahu menurut-Nya.
3. Bagaimanakah Iblis menyebabkan Adam dan Hawa jatuh ke dalam dosa? Berikan satu perkataan bagi setiap ayat untuk menjelaskan cara Iblis.

Kejadian 3:1

Kejadian 3: 4

Kejadian 3:5

## Ajaran Doktrin

1. Ketika Allah menciptakan Adam dan Hawa, Dia ingin mereka menurut-Nya (Kejadian 2:16-17). Namun Adam dan Hawa gagal menurut perintah-Nya. Mereka jatuh ke dalam dosa dan membawa penghukuman Allah.

    Dia memberi Anak-Nya, Yesus dan Dia juga dipanggil Adam. Namun, Yesus adalah Adam syurgawi dan hidup-Nya sempurna. Yesus hidup suci, selalu menurut Allah Bapa. Dia layak menebus dosa kita (1 Korintus 15: 45-49).

2. Dosa masuk ke dalam dunia melalui satu orang, dan dosa orang itu membawa kematian. Akibatnya maut menjangkiti segenap umat manusia, kerana semua orang berdosa (Roma 5:12). Kasih kurnia Allah dinyatakan dalam Kristus yang dilimpahkan atas semua orang (Roma 5:15. Yohanes 3:16).
3. Undangan atau ujian yang mencabar kita untuk berbuat kesalahan bukanlah dosa. Namun jikalau kita menurut cabaran itu baru itu kita dianggap sebagai berdosa. Martin Luther pernah berkata, “Kita mungkin tidak dapat menghentikan burung dari terbang melewati kepala kita tetapi kita boleh mencegahnya daripada berbuat sarang.”
4. Allah akan meniadakan kutukan atas ciptaan pada hari terakhir sewaktu Dia menjatuhkan hukuman-Nya yang terakhir atas dunia ini. Dunia ini akan

digantikan dengan dunia dan syurga baharu tetapi buat sementara, "Sebab kita tahu, bahawa sampai sekarang segala makhluk sama-sama mengeluh dan sama-sama merasa sakit bersalin" (Roma 8:22).

## **Aktiviti Merenungi dan Menerapkan**

Bayangkan kamu sedang berjalan di taman Eden dan ular ingin bercakap dengan kamu. Kamu takut namun kamu ingin tahu dan terperangkap oleh Iblis. Iblis masih melakukan godaan sehingga hari ini:

- godaannya boleh sahaja melalui bujukan kawan untuk berbuat sesuatu yang jahat seperti membuli kawan-kawan di sekolah.
- bisikan Iblis dalam hati. Membalas dendam sehingga melukai dan membahayakan orang lain.
- laman web yang memuat keganasan boleh mengundang kamu bertindak ganas juga.

Renungkan jika ada yang menggodai kamu, dan segera berdoa dan meninggalkannya.

## **Karangkan Satu Doa**

Berilah kesyukuranmu untuk Adam kedua iaitu Yesus Kristus. Adam kedua juga terdedah kepada ujian untuk menurut atau tidak menurut Allah. Dia menurut Allah Bapa dalam segala hal dan tidak menurut cadangan Iblis. Dia mampu menghapuskan dosa yang dibawa oleh Adam pertama bagi setiap manusia yang percaya kepada-Nya.

## Bab Tiga

# Kain dan Habel

(Kejadian 4:1-5)



Fikiran dan perbuatan manusia yang jatuh ke dalam dosa semakin jahat. Jelas, mereka tidak lagi suka berjalan dengan Allah. Dosa seperti setitik racun yang jatuh ke dalam gelas dan meracuni air. Semua jenis kejahatan terjadi dalam keluarga Adam dan Hawa.

Demikianlah cerita manusia yang seterusnya. Hawa melahirkan seorang anak lelaki yang bernama Kain. Nama Kain bererti "melahirkan" kerana Hawa berterima kasih kepada Allah yang menolong dia melahirkan bayi. Kemudian Hawa melahirkan anak kedua yang dinamakannya Habel.

Habel suka bermain di luar dan masuk ke dalam hutan. Dia suka memburu binatang-binatang liar. Kain pula suka menanam buah-buahan dan sayur-sayuran. Sewaktu Habel menjadi besar, dia menjadi gembala dan Kain menjadi petani.

Suatu hari Kain membawa sayur-sayurannya yang kurang baik dan memberinya kepada Allah. Habel pula membawa domba yang terbaik kepada Tuhan. Mereka

masing-masing memberi sayur-sayuran dan domba sebagai tanda berterima kasih kepada Allah kerana Dia banyak memberi berkat. Kain tidak sungguh-sungguh hati sewaktu memberi sayur-sayurannya kepada Allah.

Allah suka akan persembahan yang diberikan Habel. Dombanya terbaik dan tiada cela ataupun penyakit. Kain menjadi cemburu dan marah. Hatinya panas kerana Allah suka persembahan Habel. Dia berfikir yang jahat terhadap Habel. Dosa sudah mengetuk di pintunya.

Allah bertanya kepada Kain, "Kain, mengapakah kamu marah? Kalau kamu berbuat yang betul tentu mukamu tersenyum dan bukan muram sahaja. Namun kamu berbuat yang jahat dan dosa menunggu untuk masuk ke hatimu dan menguasai dirimu. Dosa ingin datang merosakkan kamu, tetapi jangan biarkan dosa berbuat begitu. Kalahkan dosa itu."

Allah berkata demikian sebab Dia tidak mahu Kain berbuat yang jahat. Dengarkah Kain kepada Allah? Tidak, Kain terus membiarkan dosa mengetuk di pintunya. Kain lebih mendengar kepada suara dosa bukan suara Allah. Dia degil dan tidak ingin meninggalkan niat hatinya.

Sebaliknya, Kain mengajak adik, "Mari kita ke ladang." Habel pergi ke ladang dengan gembira. Tidak disangkanya, Kain memukul dia dengan kejam sehingga dia mati. Sewaktu Kain melihat tubuh adiknya yang tidak bernyawa, amat takutlah dia.

"Di mana adik awak Habel?" tanya Allah. "Adakah saya penjaga adik saya? Mana saya tahu?" jawab Kain dengan sombong.

"Mengapa kamu berbuat jahat? Kamu membunuh adikmu dan darahnya sudah tertumpah ke tanah. Darahnya berseru-seru meminta saya untuk menghukum kamu. Sekarang kamu sudah dikutuk dan tanahmu tidak akan berhasil lagi. Kamu tidak akan mempunyai rumah tetap dan kamu akan berlari dari satu tempat ke tempat yang lain," kata Allah.

"Hukumanmu begitu berat; Engkau telah mengusir aku. Aku menyembunyikan diri daripada Engkau. Sesiapa yang bertemu dengan aku, pasti akan membunuh aku," kata Kain kepada Allah.

Allah memberi tanda pada dahi Kain supaya orang yang melihat tidak akan membunuh dia. Kain berkahwin kemudian. Anggota keluarganya yang dipanggil Kainites. Kehidupan rohani mereka semakin jauh daripada Allah.

## Saat Berbincang

Sikap kita sangat penting dalam hidup ini. Sikap yang salah selalu membawa kita ke jalan dosa.

- a. Renungkan perbezaan sikap antara Kain dan Habel sewaktu memberi (Kejadian 4:4-5).

- b. Bagaimanakah sikap Kain sewaktu ditegur oleh Allah? (Kejadian 4:4).
- c. Apakah yang patut dilakukan oleh Kain sewaktu Allah memberi amaran bahawa dosa sedang mengetuk di pintunya? Dosa adalah seperti lalang kalau kita tidak mencabutnya daripada hidup kita, apakah yang akan terjadi?

## Ajaran Doktrin

- Kain tidak mendengar suara Allah. Dia tetap cemburu dan marah. Dia tidak meminta pengampunan daripada Allah. Dia membunuh adiknya. Kain menurut kemarahannya daripada menurut Allah. Dia tidak segera meninggalkan dosa yang mengetuk pintunya.
- Allah tetap sayang akan Kain. Allah meletakkan tanda pada dahi Kain agar dia tidak dibunuh. Tuhan Yesus juga sabar dan tetap mengasihi kita sewaktu kita meminta pengampunan (1 Yohanes 1:9).
- Rasul Paulus mengajak kita untuk hidup baharu dan tidak lagi bertekun dalam dosa. Kita tidak boleh berfikir kasih kurnia Tuhan akan bertambah lagi kalau kita berdosa. Sebaliknya, kita perlu mati kepada dosa (Roma 6:1).

## Aktiviti Merenungi dan Menerapkan

1. Abang awak membuat kerja yang baik. Ibu memuji dia. Apakah yang awak buat?
  - a. Marah dan cemburu
  - b. Tidak suka adik lagi
  - c. Turut memuji dan belajar daripada abang
2. Pada saat ibu bapa, guru atau orang lain menyuruh agar jangan buat yang jahat, adakah kamu
  - a. Sombong
  - b. Menyesal dan berubah
  - c. Marah
3. Apakah yang kamu lakukan ketika marah? Bagaimanakah kamu menguasai kemarahan kamu?

Baca Efesus 4:26-27.

Fikirkan waktu kamu marah. Apakah yang kamu lakukan terhadap perasaan marah kamu?

## Doa

Perbuatan yang salah adalah dosa. Mudahlah kita berdosa tatkala kita marah. Jangan ikut perasaan marahmu. Cabutlah kemarahan kamu seperti mencabut lalang. Kalau tidak, dosa akan datang dan mencekik kita. John Owen berkata, "Bunuhlah dosa sebelum dosa membunuh kamu."

"Tuhan Yesus, tatkala dosa mengetuk di pintu hatiku, saya mahu mengusirnya. Saya mahu segera membunuh dosaku sebelum dosa membunuh aku. Tolonglah saya untuk segera datang kepada Allah dan bertaubat."

## Bab Empat

# Henokh

(Kejadian 4:25-26; 5:1-32)



Adam dan Hawa melahirkan seorang anak lagi setelah Habel dibunuh oleh Kain. Anak ini bernama Set. Di bawah keturunan Set ialah Enos, Henokh, dan Nuh. Kita akan merasa gembira kalau kita mendengar bahawa sejak Enos dan Henokh, "Orang mulai mengasihi Tuhan."

Henokh dipanggil sebagai seorang yang bersahabat dengan Allah. Dia sangat mengasihi Tuhan (Kejadian 5:22, 24). Henokh hidup sampai umur berapa? Ya, umurnya 365 tahun. Tahukah awak bahawa Henokh tidak mati? Henokh berjalan bersama-sama Tuhan sehingga dia pergi dengan Allah selama-lamanya. Tiba-tiba, pada suatu hari kawan-kawan dan keluarganya mencari dia tetapi dia sudah pergi bersama Allah. Henokh sudah pergi ke syurga dan dia tidak mati.

Henokh mempunyai seorang anak yang sulung. Namanya Metusalah. Metusalah hidup sampai umur yang sangat tua. Siapa tahu umur Metusalah. Dia mati pada umur 969. Ya, dialah manusia tertua di dunia. Setelah Metusalah mati, anggota keluarganya semakin lupa akan Allah. Mereka lebih hidup seperti Kain dan bukan Henokh.

Anak Metusalah bernama Lamekh. Lamekh bekerja keras di ladang dan lupa akan Allah. Walaupun begitu, suatu hari dia berseru apabila anaknya, Nuh dilahirkan dalam keluarga. "Kiranya anak ini dapat menghibur hati kita sekalian yang harus selalu bekerja keras di ladang yang dikutuki Allah."

Memang, Nuh yang dilahirkan hidup berbeza daripada orang lain. Dia takut akan Allah dan selalu berdoa. Walau bagaimana pun jiran-jirannya semua semakin hari semakin jahat. Mereka membuat hati Tuhan sangat sedih.

## Saat Berbincang

1. Apakah yang kita dapat belajar daripada kehidupan Henokh?
2. Fikirkan beberapa disiplin rohani yang diperlukan untuk berjalan bersama Allah seperti Henokh.

## Saat Aktiviti

1. Bahagikan murid-murid anda menjadi dua kumpulan. Satu kumpulan menulis satu senarai mengenai cara berjalan bersama Allah. Satu kumpulan lagi menulis tentang berjalan jauh daripada Allah. Kemudian guru berbincang tentang perbincangan mereka.

## Ajaran Doktrin

Kalau kita ingin berjalan bersama Allah, kita mesti bersetuju dengan Dia dan segala perintah-Nya yang tersurat dalam Alkitab. "Berjalankah dua orang bersama-sama, jika mereka belum berjanji?" (Amos 3:3)

"Kita telah mengenal dan telah percaya akan kasih Allah kepada kita. Allah adalah kasih, dan barangsiapa tetap berada di dalam kasih, dia tetap berada di dalam Allah dan Allah di dalam dia. Kalau kita berjalan dengan Allah, kita akan mengasihi Allah dan manusia" (1 Yohanes 4:16).

Ketika kita berjalan bersama Allah, Dia juga akan membimbing kita terus menerus. "Tuhan akan menuntun engkau senantiasa dan akan memuakkan hatimu di tanah yang kering, dan akan memperbahruikan kekuatanmu; engkau akan seperti taman yang diairi dengan baik dan seperti mata air yang tidak pernah mengecewakan" (Yesaya 58:11).

## **Merrenungi dan Menerapkan**

Orang yang “berjalan dengan cara yang betul” menurut Theresa Avila, akan membawa kita lebih dekat kepada Allah. Orang ini seolah-olah “membawa kita bersama mereka.” Minggu ini berusaha membawa seseorang lebih dekat kepada Allah dengan menceritakan pengalaman atau firman Allah sewaktu kamu berjalan bersama Allah. Apa yang kamu dengar daripada-Nya atau alami.

## **Doa dan Renungan**

Bersama Engkau sahaja, Allahku  
Aku berjalan sepanjang jalan  
Apakah yang perlu aku takut apabila Engkau dekatku  
O Raja malam dan siang?  
Aku lebih selamat dalam tangan-Mu  
Seangkatan tentera bersama aku. (St. Columbia 521)

## Bab Lima

# Nuh dan Bahteranya

(Kej. 6:9-9:17)



Nuh dan keluarganya hidup taat kepada Allah. Dia mempunyai tiga anak lelaki: Sem, Yafet dan Ham. Sebaliknya, jiran-jiran Nuh dan semua orang yang tinggal pada zaman itu amat jahat. Allah merasa sangat sedih dengan mereka kerana setiap kata dan perbuatan mereka jahat. Allah menyesal mencipta mereka.

Suatu hari Allah bercakap dengan Nuh, "Semua manusia melakukan perbuatan jahat. Aku akan membinasa bumi ini sehingga tiada seorang pun akan tinggal di dalamnya. Tetapi Aku akan menjaga kamu dan keluargamu. Buatlah satu bahtera besar daripada kayu dan membuatnya berpetak-petak. Cat bahtera ini dengan tar.

Saya akan mendatangkan air bah yang besar sehingga semua yang berada di dunia ini akan musnah. Tetapi Aku akan membuat perjanjian dengan kamu. Sesudah kamu membina bahtera itu, panggillah isterimu, ketiga-tiga anakmu dan isteri mereka untuk masuk ke kapal itu. Juga, daripada setiap jenis binatang, kamu mesti membawa binatang betina dan jantan sehingga mereka tidak punah di bumi."

Beberapa jirannya datang dan mereka ketawa kerana cuaca panas dan tiada hujan. "Banjir akan datang? Ha! Ha! Matahari selalu bersinar terang!" kata

mereka. Mereka tidak mahu percaya Allah akan menghukum manusia jahat dan terus berbuat jahat.

Nuh tekun membina bahtera itu. Dia percaya Allah akan mendatangkan hujan dan air bah akan terjadi. Nuh berumur enam ratus tahun sesudah dia membina bahtera itu. Dia tetap memberitahu jirannya bahawa air bah akan datang. Jirannya hanya ketawa terbahak-bahak.

Setelah Nuh sekeluarga dan sepasang daripada semua binatang masuk ke bahtera, Allah menutup pintu bahtera itu. Nuh berumur enam ratus tahun.

Tujuh hari selepas itu hujan turun dengan deras ke bumi selama empat puluh hari lamanya. Air semakin meninggi sehingga bahtera Nuh terapung-apung. Air meninggi sehingga semua pokok yang lampai pun tertutup air. Selama seratus lima puluh hari, air banjir membanjiri dunia. Setiap manusia dan binatang yang berada di bumi mati.

Allah tidak lupa akan keluarga Nuh, Dia membuat angin bertiup dan air pun surut. Bahtera itu tertiuap dan terkandas di gunung Ararat.

Tidak, dia tidak sekadar menjenguk ke luar jendela untuk melihat sama ada air sudah surut. Nuh menghantar seekor burung gagak untuk mencari tempat kering. Burung hitam itu tidak kembali maka Nuh tidak tahu adakah air sudah surut. Nuh melepaskan seekor burung merpati dan burung merpati itu kembali kerana air masih membanjiri bumi dan ia tidak ada tempat untuk berhenti.

Maka Nuh menunggu selama tujuh hari lagi lalu melepaskan burung merpati yang sama. Merpati itu membawa setangkai daun zaitun yang segar. Itu tanda air sudah surut. Nuh menunggu selama tujuh hari lagi untuk melepaskan semua binatang.

Allah membuat suatu perjanjian dengan Nuh. "Aku berjanji kepadamu dan cucumu bahawa Aku tidak akan mengirim banjir yang membinasa bumi atau membunuh semua yang hidup. Aku juga membuat perjanjian dengan binatang yang keluar dari bahteramu. Aku akan selalu mengingatkannya dan tidak sekali-sekali aku akan lupakannya. Aku akan memberi kamu pelangi di langit. Apabila aku melihat pelangi itu, Aku akan ingat janjiku kepada kamu dan semua binatang. Janjiku tetap selama-lamanya."

## Saat Berbincang

1. Sedalam apakah dosa manusia pada zaman Nuh? (Kejadian 6:5)  
*Baca dan pilih perkataan dalam Kejadian 6:5 yang menunjukkan betapa dalam dan dahsyatnya dosa manusia.*
2. Jelaskan keadaan manusia sewaktu Tuhan Yesus kembali, yang sama dengan keadaan manusia pada zaman Nuh (Matius 24:37).
3. Sifat Allah apakah yang dikatakan oleh Petrus terhadap dosa dunia yang semakin memuncak? (2 Petrus 3:9).

## Ajaran Doktrin

- Petrus seorang murid Tuhan Yesus memberitahu kita bahawa apabila Nuh membina bahtera, Allah sedang menantikan orang jahat untuk berhenti berbuat jahat. Bahtera Nuh sudah menjadi satu amaran bagi penduduk pada zaman Nuh. Allah dengan sabar menantikan mereka untuk berpaling daripada dosa. Demikian juga, sebelum kedatangan-Nya, Allah menantikan supaya orang jahat bertaubat (2 Petrus 3:9).
- Suatu hari nanti daripada keturunan Nuh akan datang Tuhan Yesus. Dia mati di kayu salib untuk dosa manusia. Air bah tidak dapat menghapuskan dosa, hanya darah Yesus dapat menghapuskan dosa manusia.

## Merenungi Dan Menerapkan

Orang pada zaman Nuh sudah kebal kepada dosa bahkan mereka tidak mengetahui dosa mereka. Hati mereka tidak peka dan tidak diserahkan kepada Allah. Allah akan menguduskan hati kita kalau kita menyerahkannya kepada-Nya.

Dalam minggu ini, dengan sengaja serahkan hatimu dan semua yang berada dalamnya kepada Allah. Jangan biarkan hatimu kebal seperti orang pada zaman Nuh. Pekalah kepada Roh Kudus apabila Dia meyakinkan anda akan dosa.

## Doa dan Renungan


Pada zaman Nuh manusia sungguh jahat. Mereka membunuh, berbohong, dan mencuri daripada sesama manusia. Di sekolah kamu mungkin ada pembuli dan samseng. Pembuli mungkin datang mengacau kamu ataupun menyuruh kamu mengikut mereka. Jangan mendengar mereka. Beritahu cikgu, ibu bapa dan gurubesar kamu. Hidup seperti Nuh dan kamu akan selamat.

Tuhan Yesus, ampunilah dosaku.  
Aku tidak mahu menjadi seperti jiran-jiran Nuh.  
Aku akan segera menurut Engkau.  
Aku mahu hidup kudus seperti Nuh.

## Bab Enam

# Menara Babel

(Kejadian 11:1-9)



Setelah banjir bersurut, Nuh dan keluarganya tinggal di kawasan gunung. Mereka pandai menanam anggur. Ketika Nuh berusia 950 tahun dia meninggal dunia. Anak-anaknya Sem, Hem dan Yofet beranak cucu dan tinggal di kawasan sama. Mereka mempunyai satu Bahasa dan boleh memahami satu sama lain. Mereka makan daging dan pandai berternak dan memburu binatang.

Dalam kalangan mereka ada seorang yang terkenal. Namanya Nimrod. Dia pandai memburu dan sungguh berani maka dia diangkat menjadi pemimpin mereka. Anak cucu Abraham berpindah ke lembah Shinar yang datar. Di sini mereka menggali tanah liat dan membuat batu bata.

Peristiwa banjir dan bahtera besar sudah dilupakan oleh manusia selepas beberapa lama. Mereka tidak ingat bahawa dosa pernah mendatangkan banjir besar sehingga banyak orang mati lemas.

Hati anak cucu Adam mulai menjadi jahat dan angkuh lagi. Mereka mempunyai satu pendapat, "Biarlah kita membangun menara yang sangat tinggi sehingga sampai langit. Biar nama kita menjadi hebat."

Manusia selalu ingin mencari nama bagi diri sendiri. Maka mereka mencari sebidang tanah yang besar lalu membina satu menara yang sangat tinggi. Mereka tidak menyebut nama Tuhan pun sewaktu membina menara itu kerana mereka mahu nama bagi sendiri. Nama, ya nama yang hebat, itulah yang dimahukan oleh mereka.

Sikap mereka tidak baik kerana manusia harus menyembah Tuhan. Kita patut memuji Dia dan bukan diri sendiri. Kita harus berkata Tuhanlah yang hebat. Jangan berkata, "Saya yang paling hebat. Ingat Tuhan yang paling hebat."

Jadi, mereka mahu membuat menara setinggi syurga supaya mereka boleh dianggap hebat. Tuhan amat tidak senang apabila melihat sikap mereka, dan tujuan mereka. Dia mengacau bahasa mereka sehingga mereka bercakap dalam bermacam-macam bahasa.

Akhirnya, mereka tidak dapat membangun menara itu sebab mereka tidak dapat saling memahami bahasa dalam kalangan mereka. Nama menara yang tidak dapat diselesaikan ini dipanggil Menara Babel.

Sewaktu Menara Babel disebut apakah yang akan diingati orang? Ya, orang yang mencari nama hanya untuk diri sendiri. Orang yang tidak menyebut bahawa Tuhan yang hebat tetapi sendiri hebat. Mereka sangat sombong dan menduga diri sangat pandai. Alkitab berkata: "Jika engkau makan atau jika engkau minum, atau jika engkau melakukan sesuatu yang lain, lakukanlah semuanya itu untuk kemuliaan Allah" (1 Korintus 10:31).

Biarlah semua kata dan kerja kita memberi keharuman kepada Allah.

## Saat Berbincang

1. Kenapa Tuhan tidak terlalu gembira dengan usaha membangun Menara Babel? Baca kisah ini dalam Kejadian 10:1-9, adakah orang yang membangun Menara Babel itu menyebut nama Allah atau memuji-Nya?
2. 1 Korintus 10:31 "Aku menjawab: Jika engkau makan atau jika engkau minum, atau jika engkau melakukan sesuatu yang lain, lakukanlah semuanya itu untuk kemuliaan Allah." Renungkan bagaimana kamu boleh makan, minum dan lakukan semua untuk Allah.

## Ajaran Doktrin

Matlamat tertinggi manusia adalah untuk memuliakan Allah dan menikmati-Nya selama-lamanya. (Pengakuan Westminster) Matlamat hidup bagi manusia bukan hanya untuk diri sendiri ataupun kebanggaan sendiri tetapi untuk memberi kemuliaan kepada Allah. Apa yang kita kerjakan itu semua demi Allah. Sewaktu manusia hanya memikirkan diri sendiri segala yang tidak baik akan muncul.

Perhatikan orang yang membangun Menara Babel ini tidak menyebut nama Allah. Mereka hanya berminat membangun suatu nama bagi diri sendiri dan menjadi terkenal. Kita seharusnya menyembah dan memuji nama-Nya. Kita selalu lupa dan akhirnya memuji nama sendiri. Orang ini ingin membangun menara yang sampai syurga. Menara itu lebih penting daripada Allah. Akhirnya, Allah turun dan mengacaukan Bahasa mereka sehingga mereka tidak dapat membangun menara itu.

## **Aktiviti Merenungi dan Menerapkan**

Renungkan bakat yang sudah diberikan Allah kepada kamu. Bagaimanakah kamu boleh mengembangkannya demi kemuliaan Allah dan bukan hanya untuk sebuah nama?


### **Renungan dan Doa**

“Allah dalam otakku  
dan dalam pengertianku  
Allah dalam mataku  
dan dalam penglihatanku  
Allah dalam mulutku  
dan dalam tuturanku  
Allah dalam hatiku  
dan dalam fikiranku  
Allah dalam akhir hayatku  
dan pada waktu aku bersayap” (Abad 16, Sarum Primer)

## Bab Tujuh

# Abram dan Sarai

(Kejadian 12:1-9)



Bayangkan ibu bapa kamu memberitahu kamu bahawa kamu sekeluarga akan berpindah ke negara lain. Bagaimanakah perasaan kamu? Sedih, gembira atau takut?

Pada zaman dahulu di kota Haran tinggal seorang yang sangat kaya. Namanya Abram dan isterinya, Sarai. Mereka berdua menyembah Allah tetapi saudara mara dan jiran mereka tidak menyembah Allah. Abram dan Sarai tidak mempunyai anak. Bapa mertuanya bernama Terah, dan anak saudaranya bernama Lot.

Pada suatu hari Allah berkata kepada Abram, "Tinggalkanlah negerimu dan sanak saudaramu serta rumah ibu bapamu. Pergilah ke negeri yang akan Kutunjukkan kepadamu. Di sana Aku akan memberikan kepadamu banyak anak dan cucu-cicit. Mereka kelak akan melahirkan banyak anak, sehingga mereka menjadi bangsa yang besar.

Aku akan berbuat baik terhadap kamu dan membuat kamu gembira selalu. Namamu akan menjadi terkenal di seluruh dunia. Orang yang berbuat baik terhadap kamu akan menerima yang baik. Orang yang menyusahkan kamu akan menerima kesusahan. Semua bangsa akan meminta kepada-Ku untuk memberkati mereka seperti aku memberkati kamu."

Pada waktu itu Abram berumur tujuh puluh lima tahun. Dia segera menurut Allah. Dia dan isterinya pun bersiap sedia untuk berpindah. Kira-kira apakah yang dibawa oleh keluarga mereka? Ya, periuk belanga, selimut, baldi, makanan, unta-unta, keldai-keldai dan juga hamba-hamba.

Pagi-pagi, apabila matahari terbit, Abram sekeluarga memulakan perjalanan mereka. Abram menurut dan taat kepada Allah dengan segenap hati. Dia percaya bahawa isterinya akan beranak. Keturunan mereka akan memberkati seluruh dunia.

Abram tidak takut membawa keluarganya ke tempat yang lain kerana dia tahu Allah bersamanya. Mereka berjalan sehingga tiba ke sungai Yordan. Allah membimbing mereka menyeberangi sungai ini ke tanah yang indah yang bernama Kanaan. Abram dan keluarganya pun pergi ke Sikhem.

Orang Kanaan menyembah berhala tetapi Abram mendengar suara Allah. Allah berkata, "Inilah negeri yang akan Kuberikan kepadamu dan anak cucumu turun temurun." Maka Abram sungguh berterima kasih dan mendirikan mazbah untuk mempersembahkan korban kepada Tuhan.

## Saat Berbincang

1. Menurut kamu apakah yang memberi Abraham kemampuan untuk menerima perintah dan perjanjian Allah? (Kej. 12:1-5)
2. Apakah perjanjian yang diberikan Allah kepada kamu jikalau Dia memanggil kamu untuk membuat sesuatu yang baharu?
3. Siapakah yang dapat menjadi anak-anak Abram? (Gal. 3:29)

## Ajaran Doktrin

1. Tuliskan ayat ini pada kadbod lalu menggunting kepada beberapa kerat.

"Iman adalah dasar dari segala sesuatu yang kita harapkan" (Ibrani 12:1a).

Suruh anak-anak membaca semua ayat ini terlebih dahulu. Lalu jelaskan kerat lepas kerat.

Iman adalah dasar—jelaskan bahawa imanlah yang terpenting. Walaupun Abram dan Sarai sudah tua dan rahim mereka sudah tertutup, Allah akan memberi mereka anak dan keturunan sehingga Abram menjadi bapa banyak bangsa.

"dari segala sesuatu"—jelaskan bahawa segala yang mustahil dan menurut fikiran kita tidak boleh terjadi.

yang kita harapkan—jelaskan bahawa mesti sesuai dengan rancangan Allah.

2. Allah membuat perjanjian dengan Abram bahawa melalui dia semua bangsa akan diberkati. Suatu hari, salah seorang cucu-cicit Abraham iaitu Tuhan Yesus, akan datang dan menjadi berkat semua bangsa. Dia akan menjadi Penebus dosa, yang mati di salib bagi dosa kita. Sesiapa yang percaya kepada Tuhan Yesus akan menjadi anak-anak Allah. “sebab kamu semua adalah anak-anak Allah melalui iman di dalam Yesus Kristus” (Galatia 5:26).

## **Aktiviti Merenungi dan Menerapkan**

B. Baca Ibrani 11:1 dan renungkan hidupmu. Bayangkan awak disuruh menulis riwayat iman awak, apakah yang akan awak tulis?

## **Renungan Dan Doa**

Baca Kejadian 12:1

Melakukan seperti yang diinginkan oleh Tuhan boleh mengubah hidup kita dan hidup orang lain juga. Sewaktu Abram berpindah ke negara lain seperti yang diperintahkan Tuhan, dia sudah berumur 75 tahun. Tuhan menjadikan dia bapa bangsa-bangsa kerana dia menurut. Dia mendapat tanah Perjanjian.

Tuhan memberi kita Tuhan Yesus. Kita akan berubah dan diberkati jika kita mengikut dan mengasihi Dia.

“Tuhan Yesus, aku tahu bahawa hidupku akan berubah sewaktu aku menurut dan beriman apabila Engkau menyuruh aku menurut Engkau. Berilah aku iman untuk selalu mendengar dan menurut Engkau. Dalam nama Tuhan Yesus aku meminta dengan yakin.”

**Bab Lapan**  
**Sarai Bukanlah Adik Abram**  
(Kejadian 12:10-20)



Abram selalu mendengar kepada Allah namun kadangkala dia ragu-ragu dan menurut cara sendiri. Pada suatu hari Abram takut lalu dia berbuat sesuatu yang tidak disukai oleh Allah. Abram ragu-ragu dan takut ketika di negara Mesir. Dia berbohong tentang isterinya, Sarai dan memberitahu orang Mesir bahawa Sarai adalah adiknya.

Apabila timbul kelaparan besar di Kanaan, Abram pergi ke selatan, ke Negara Mesir. Mereka pun tinggal buat sementara waktu di sana. Abram sangat takut apabila melalui sempadan Mesir. Isterinya sangat cantik maka Abram takut orang Mesir mahu isterinya lalu membunuh dirinya.

Adakah Abram percaya Allah dapat melindungi mereka? Tidak, Abram menyuruh isterinya memberitahu orang itu bahawa dialah adiknya. Apabila Abram tiba di Mesir, beberapa askar menampak Sarai yang sangat cantik itu lalu memberitahu Firaun. Firaun mahu Sarai menjadi isterinya lalu disuruhnya untuk datang ke istana. Dia memberi domba, kambing-kambing, dan hamba-hamba kepada Abram. Firaun menduga Sarai itu adik Abram kerana Abram telah berbohong.

Adakah rasa takut kadangkala membuat kita berbohong?

Walau bagaimanapun Allah melindungi Abram dan isterinya. Akibatnya, penyakit wabak datang kepada Firaun. Semua orang di istana dan Firaun pun ditimpa

ketakutan. Dia tahu bahawa dia tidak boleh mengambil Sarai sebagai isteri. Akhirnya, dia mengetahui bahawa Sarai adalah isteri Abram bukan adiknya. Segera Firaun, suruh mereka pergi jauh-jauh dari istananya! Firaun takut akan bencana yang akan datang ke atasnya seandainya dia mengambil Sarai sebagai isteri.

## Saat Berbincang

1. Menurut kamu perasaan apakah yang menyebabkan Abraham berubah daripada seorang yang menurut dan beriman sehingga menjadi pembohong pada ketika itu? (Kejadian 12:12)

## Ajaran Doktrin

Iman bukan sekedar lafazan suatu kepercayaan. Dalam iman kita menaruh kepercayaan kita kepada seseorang. Kita tidak hanya percaya mengenai Kristus sahaja, tetapi kepada Dia (secara peribadi).

Dengarlah kisah David Livingstone. Pada suatu malam dia terancam oleh serombongan orang yang ganas. Rasanya, dia ingin berlari sahaja tetapi suaranya, "Aku akan bersamamu setiap hari." Matanya berbinar dengan keyakinan dan dia pergi tidur. Dia mengetahui itu kata-kata seorang jantan (gentleman)! Jadi jangan mengenal mengenai Kristus tetapi percaya kepada Dia. (F.B. Meyer dalam buku *The Secret of Guidance*.)

## Aktiviti Merenungi dan Menerapkan

1. Dalam Kejadian 15:1, Allah berpesan agar Abraham tidak takut kerana Dialah perisai Abraham. Selidiki ayat-ayat dan tuliskan apakah yang digunakan oleh penulis untuk menggambarkan Allah sebagai pelindung: Mazmur 18:2; Mazmur 19:14; Mazmur 31:3.

## Renungan dan Doa

Renungilah dua ayat Alkitab ini dan kemudian selipkan dalam jiwa dengan doa berdasarkannya.


"Lalu Dia berfirman: "Aku sendiri hendak membimbing engkau dan memberikan ketenteraman kepadamu" (Keluaran 33:14)

"Lihatlah apakah jalanku serong dan tuntunlah aku di jalan yang kekal!" (Mazmur 139:24).

## Bab Sembilan

# Abram dan Lot Berpisah

(Kejadian 13:1-18)



Lot bukanlah anak Abram tetapi anak adik Abram yang sudah meninggal dunia. Abram membawa isterinya, Lot dan segala miliknya ke Kanaan. Abram dan Lot sangat kaya. Mereka ada banyak domba, kambing, lembu dan juga emas. Semakin hari semakin bertambah binatang mereka sehingga padang rumput tidak cukup. Maka hamba-hamba mereka pun sering bertengkar.

Abram sedih mendengar mereka bergaduh. Dia mahu keluarganya hidup tenang dan saling mengasihi. Kalau mereka bergaduh setiap hari, pasti mereka saling membenci. Pasti suatu hari sesuatu yang buruk akan menimpa mereka.

Abram berkata kepada Lot, "Kita ini bersaudara. Janganlah kita bergaduh. Bukankah tanah ini cukup luas bagi kita berdua? Baiklah kita berpisah sahaja. Kamu boleh memilih tempat mana-mana yang kamu ingini. Seandainya kamu pergi ke tempat itu, saya pula akan memilih tempat lain."

Lot memilih tanah yang subur dan penuh air iaitu seluruh Lembah Yordan sampai ke Zoar. Lot memilih tanah yang baik ini sementara Abram tetap tinggal di Kanaan. Abram sangat rendah hati sekalipun dia lebih tua. Dia membiarkan anak saudaranya memilih tanah yang terbaik.

Lot bersama isterinya, dan dua anak perempuannya serta hamba dan ternakannya pun berpindah ke tanah lembah Yordan. Lot memilih tempat di

antara kota-kota di Lembah Yordan dan memasang khemah dekat dengan Sodom. Lembah itu baik untuk bercucuk tanam seperti tanah di Taman Eden dan Mesir.

Abram mahu keluarganya hidup tenang bersama Allah. Lagipula, Abram tidak bergaduh dengan Lot. Jadi, dia membiar Lot memilih tanah yang diinginkannya. Dia cukup rendah hati. "Berbahagialah mereka yang berbelas kasihan, kerana mereka akan menerima belas kasihan" (Matius 5:7).

Selepas Abram berpisah dengan Lot, Allah berkata kepadanya. "Lihatlah sekitarmu. Seluruh tanah yang kamu lihat itu akan kuberikan kepadamu dan anak cucumu. Tanah ini akan menjadi milik anak cucumu turun temurun. Aku akan memberi kamu cucu yang begitu banyak sehingga tiada orang dapat menghitungnya. Pergilah dan lihatlah seluruh tanah itu yang Aku akan berikan kepadamu."

Lalu Abram membongkar khemah-khemahnya dan memasangnya dekat pokok-pokok besar di Mamre. Di situ didirikan satu mazbah untuk mempersembahkan korban kepada Allah.

## Saat Berbincang

1. Mengapa Abram yang lebih tua membiarkan Lot memilih tanah terlebih dahulu? (Matius 5:5)
2. Perkara apakah yang menyebabkan kamu bergaduh kerana mahu merebut yang lebih baik? Ciri apakah yang kamu boleh belajar daripada Abraham?

## Ajaran Doktrin

"Berbahagialah orang yang murah hatinya, kerana mereka akan beroleh kemurahan" (Matius 5:7). Orang yang lemah lembut dan berbelas kasihan akan menerima berkat dan belas kasihan Allah. Mereka bukan jenis yang mahu terbaik hanya untuk diri sendiri. Mereka jenis yang memikirkan kegembiraan orang lain terlebih dahulu.

## Merengungi dan Menerapkan

Renungkan apa yang diperlukan oleh anggota keluarga kamu dan berusaha untuk memberi dan menolong mereka. Selidiki adakah kamu hanya memikirkan diri sendiri dan jarang bersikap murah hati. Berusaha berubah dan seperti Abraham mendahului orang lain dan memperoleh damai dan berkat dalam hati.

## Renungan dan Doa

Tuhan Yesus, ajarilah aku untuk berlemah-lembut dan rendah hati dengan anggota keluargaku dan juga orang lain. Biarlah aku berlemah- lembut sewaktu bercakap dan bermain dengan teman-teman saya. Saya akan selalu memberkati orang lain dan bukan merebut berkat daripada orang lain.

## Bab 10

# Abram Mendapat Nama Baharu

(Kejadian 17:1-10; 15:21)



Alam semesta mempunyai berjuta-galaksi, atau gugusan bintang yang terdiri daripada 100 juta bintang.

Alam semesta ada berapa galaksi?

Ya, beribu-juta! Jagat kita terletak di galaksi mana? Ya, galaksi "Jalur Milky." Jalur Milky ada seratus juta bintang.

Allah pernah berjanji mahu memberi Abram satu bangsa tetapi sudah dua puluh lima tahun berlalu namun tidak ada pun seorang anak. Kenapa ya? Semua orang pun berkata, "Abram dan Sarai sudah terlalu tua untuk melahirkan seorang anak!" Abram sudah sembilan puluh sembilan tahun.

Abram bertanya kepada Allah, "Engkau tidak memberikan kepadaku keturunan, sehingga seorang hambaku nanti menjadi warisku" (Kejadian 15:3). Ya, bagaimana Abram boleh memenuhi janji ini? Adakah janji-Nya benar?

Allah mendengar lalu membimbing Abram ke luar khemah. Pada zaman dahulu, langit tidak tercemar dan bintang-bintang di langit boleh dilihat dengan jelas. Allah berkata kepada Abram, "Lalu Tuhan\* membawa Abram ke luar serta berfirman, "Cuba lihat ke langit, dan hitunglah bintang-bintang, jika engkau dapat menghitung semuanya." Maka Dia berfirman kepadanya, "Demikianlah

banyaknya keturunanmu nanti." (Kejadian 15:5).

Anak-anak dan cucu-cicit Abram akan menjadi sebanyak bintang-bintang di langit. Abram berlutut ke tanah dan ketawa. Bagaimana Sarai yang tua boleh melahirkan anak? Allah berjanji hal ini akan terjadi. Allah juga memberi Abram nama baharu iaitu Abraham. Sarai juga diberi nama baharu, Sara.

Pada zaman Abraham, orang membuat persetujuan untuk berbuat sesuatu bersama-sama. Itu dipanggil Perjanjian. Mereka akan menyembelih satu binatang, membelahnya menjadi dua dan berjalan di antara dua kerat binatang itu.

Allah menyuruh Abraham berbuat demikian, "Tuhan berfirman kepadanya, "Ambillah bagi-Ku seekor lembu betina berumur tiga tahun, seekor kambing betina berumur tiga tahun, seekor domba jantan berumur tiga tahun, seekor burung tekukur dan seekor anak burung merpati." Dia mengambil semua itu bagi Tuhan, memotong semuanya menjadi dua, lalu dia meletakkan bahagian-bahagian yang satu di samping yang lain, tetapi dia tidak memotong burung-burung itu menjadi dua" (Kejadian 17:9-10).

Allah membuat Abraham tertidur nyenyak. Apabila matahari terbenam, Allah sendiri yang berjalan di antara kepingan daging binatang itu. Api pun menyala dan membakarnya. Allah tidak menyuruh Abram berjalan di antara keping-keping daging itu. Ini menunjukkan bahawa Allah sendiri akan memenuhi perjanjian ini.

Janji Allah ditepati. Tuhan Yesus yang dari syurga juga berasal daripada keturunan Abraham. Rancangan besar Allah adalah daripada cucu-cicit Abraham akan datang Tuhan Yesus. Dia akan menghapus dosa kita. Kita yang percaya kepada Tuhan Yesus juga adalah anak-anak Abraham.

## Saat Berbincang

1. Abram percaya bahawa dia akan menjadi ba\_ \_ banyak bangsa (Roma 4:18).
2. Rancangan Allah ini sangat istimewa dan kelak akan membawa kelahiran Tu\_ \_ \_ Yes\_s
3. Bagaimana Allah menunjukkan kepada Abraham bahawa perjanjian dengannya adalah semata-mata kurnia Allah?

## Ajaran Doktrin

Romans 4:13-25

Rasul Paulus menggunakan cerita Abraham untuk mengajar tentang iman. Abraham percaya kepada Allah melalui imannya. Dia percaya kepada rancangan Allah yang terindah. Kita seperti Abraham juga menaruh iman kita kepada Tuhan Yesus dan menjadi anak-Nya. Hanya kurnia Allah bukan kebaikan kita atau kerja kita yang menyelamatkan kita. "Kerana itu, janji itu berdasarkan

iman supaya sesuai dengan kasih kurnia, dan dijamin kepada semua keturunan Abraham, bukan hanya bagi penganut hukum Taurat tetapi juga bagi mereka yang memiliki iman Abraham, sebab dialah bapa kita semua” (Roma 4:16).

## Aktiviti Merenungi dan Menerapkan

Martin Luther, pemimpin Reformasi menemukan kasih kurnia Allah (1510)

Pada tahun 1510, Martin Luther pergi ke Rom dengan semangat berkobar-kobar. Dia ingin mendapat berkat rohani di Rom, yang pada masa itu dianggap “kota suci.” Hatinya terbebani untuk datuknya yang difikrinya belum ke syurga tetapi masih di purgatori (tempat antara syurga dan neraka). Dengan mengebu-gebu, dia ingin membebaskan datuknya dari purgatori. Maka dia mendaki setiap anak tangga di gereja Lutheran di Rom. Di setiap anak tangga, Martin Luther berhenti sejenak untuk melafazkan doa “Doa Bapa Kami” (the Lord’s Prayer) supaya datuknya dibebaskan dari purgatori.

“Adakah ini semua benar?” tanya Luther ketika berada di anak tangga 28. Ketika berada di Rom, Luther sungguh kecewa kerana keadaan kota itu jauh daripada suci. Imam-imamnya hidup tanpa moral. Timbullah banyak pertanyaan dalam diri Martin Luther.

Bagaimanakah dia dapat diselamatkan? Martin Luther sungguh ketat berdoa, berpuasa namun dia merasa dirinya amat berdosa. Dia selalu khawatir kerana segala yang dibuatnya kurang memuaskan Allah.

Kerja sebagai pensyarah dan pengkhotbah di Wittenberg, mendesak dia membaca Alkitab dengan baik-baik. Dia membaca Roma 1:17, “Orang benar akan hidup oleh iman.” Mata rohaninya tercelik. Ya manusia hanya diselamatkan berdasarkan iman dan bukan pekerjaan atau berbuat amal. Jiwa Martin Luther tenang dan tidak terumbang ambing oleh perasaan ragu-ragu. Martin Luther tahu pengampunan bukan sesuatu yang dibuat oleh diri sendiri berdasarkan kerja baiknya, atau diberikan oleh gereja. Pengampunan dan penyelamatan diberikan melalui kasih kurnia dan iman kepada Tuhan Yesus!

## Renungan dan Doa

Bayangkan anda berada di tepi pantai, Berhenti sejenak dan mengambil segenggam pasir. Dapatkah anda menghitung berapa banyak pasir di dalam tanganmu? Allah berjanji untuk memberi Abraham keturunan begitu besar dan yang tidak dapat dihitung. Mereka yang percaya kepada Tuhan Yesus boleh disebut anak-anak Abraham. Naikkan doa kesyukuran kerana anda juga anak-anak Abraham.

## Bab 11

# Pemberian Anak Yang Dijanjikan

(Kejadian 18:1-8, 9-12)



“Sebab bagi Allah tidak ada yang mustahil” (Lukas 1:37)

Bapa awak berkata kepada awak, “Tahun depan kita ke Pulau Langkawi selama sebulan.” Awak sangat gembira tetapi bulan lepas bulan, ayah kamu tidak membeli tiket. Setelah menunggu dua tahun pun, ayah masih belum membeli tiket itu. Setelah begitu lama, awak sudah bosan dan tidak percaya ayah kamu akan pergi.

Dua puluh tahun sudah berlalu sejak Allah memanggil Abraham dan berjanji memberi dia satu negara. Sudah dua puluh tahun namun Sara tetap tidak mempunyai anak. Adakah perjanjian Allah benar? Apabila Sara menjadi semakin tua, semuanya seperti mustahil. Mustahil bererti seperti tidak mungkin terjadi.

Sara menjadi sedih. Damai tidak ada dalam hatinya sehingga dia merancang sesuatu. Sara memberi hamba perempuannya, Hagar kepada Abraham supaya boleh melahirkan seorang anak. Sara tidak sabar menunggu Allah untuk menepati perjanjian-Nya. Allah tidak memerlukan pertolongan Hagar untuk menepati perjanjian-Nya.

Dalam rancangan indah, Allah tetap akan memberi anak yang dijanjikan kepada Abraham dan Sara. Walaupun mereka berdua sudah tua, Allah tetap memberi bayi kepada mereka. Allah tetap mengingatkan Abraham, "Engkau akan menjadi bapa sejumlah besar bangsa" (Kej. 17:4).

Allah memang benar. Abraham akan melahirkan anak dan daripada keturunannya akan datang Tuhan Yesus. Kita yang percaya kepada Tuhan Yesus juga disebut anak-anak Abraham. Raja kekal yang akan datang daripada cucu-cicit Abraham ialah Tuhan Yesus.

Janji Allah benar tetapi Sara tidak sabar menunggu lagi. Anak-anak, kadangkala kita perlu sabar menunggu rancangan Allah. Kalau Tuhan Yesus berkata bahawa Dia akan kembali ke dunia ini, kita mesti sabar menunggu. Di dunia ini kita mengalami kesusahan tetapi Tuhan Yesus akan kembali.

## Saat Berbincang

1. Sara menjadi tidak\_\_\_\_\_apabila lama menunggu untuk seorang anak.
2. Dia menyuruh hamba perempuannya\_\_\_\_\_untuk melahirkan anak bagi dia dan Abraham.
3. Allah tetap ingin Abraham dan Sara melahirkan anak sendiri yang merupakan anak per\_\_\_\_\_daripada Allah.
4. Allah tidak memerlukan pertolongan \_\_\_\_\_untuk memenuhi perjanjian-Nya.

## Ajaran Doktrin

Tuhan Yesus ingin kita sabar seperti Abraham, dan percaya segala janji-Nya. Kita tidak boleh seperti Sara yang tidak sabar menunggu dan mengambil jalan sendiri. Kita perlu seperti Abraham, rela menunggu dengan sabar sehingga janji-Nya datang. Allah kita Maha Setia dan tidak berubah. Dalam segala kesusahan hidup kita perlu menunggu Dia untuk membimbing kita.

## Merenungi dan Menerapkan

Abraham dan Sara mempunyai banyak cabaran dan rintangan serta kelemahan yang boleh sahaja mengagalkan rancangan Allah. Keraguan dan sikap tidak sabar daripada Sara telah mendatangkan kesusahan dalam hidupnya.

Renungkan cabaran yang anda hadapi sehingga rancangan Allah seolah-olah tidak boleh berjaya. Apakah yang kamu perlukan untuk menjayakannya?

## Renungan dan Doa

Tuhan Yesus, berilah kami iman seperti Abraham. Ketika kami sedih dan ragu-ragu seperti Sara, ajarlah kami untuk menunggu Engkau. Biarlah damai memenuhi hatiku dan ajarlah aku percaya kepada Engkau ketika sedih. Janganlah kami dipenuhi dengan perasaan takut.

## Bab 12

# Abraham Dikunjungi Tetamu-Tetamu

(Kejadian 18:1-8)



Pada suatu hari, datanglah beberapa tetamu di sebuah tempat bernama Mamre. Ketika itu, Abraham sedang duduk di pintu khemahnya pada hari yang terik. Khemah Abraham dipasang dekat beberapa pokok.

Ketika Abraham memandang, dia melihat tetamu-tetamu datang. Mereka bukan tetamu yang biasa-biasa. Mereka adalah malaikat-malaikat yang datang memberitahu Abraham berita indah. Cepat-cepat Abraham pergi menyambut tetamu-tetamunya. "Tuan-tuan, janganlah pergi tanpa bersinggah di sini. Saya mahu menghidangkan makanan untuk tuan-tuan. Biarlah saya mengambil air untuk membasuh kaki tuan-tuan. Tuan-tuan boleh berehat di bawah pokok ini, dan sekejap lagi saya akan membawa makanan untuk tuan-tuan. Saya merasa dihormati kerana tuan-tuan sudi datang ke rumah saya."

Ketiga-tiga tetamu itu berkata, "Baiklah. Buatlah yang kamu pesan."

Abraham dengan segera masuk ke khemah dan menyuruh Sara mengambil kepung yang terbaik dan membuat roti. Lalu dia mengambil sapi yang terbaik dan menyuruh pelayannya memasak yang sedap bagi tetamunya. Mereka juga menyaji dengan mentega dan susu.

Tetamu-tetamu itu bertanya, "Di manakah isterimu?"

Seorang tetamu berkata, "Sembilan bulan dari sekarang, isterimu akan mendapat seorang anak."

Sara yang mendengar kata-kata itu pun tertawa dalam hati, "Saya sudah tua dan begitu juga suamiku, bagaimana saya boleh mendapat anak."

Kata salah seorang tetamu kepada Abraham, "Mengapa Sara ketawa dan berfikir dia terlalu tua untuk mendapat bayi? Adakah ada sesuatu Aku tidak dapat lakukan? Sara akan melahirkan anak lelaki sembilan bulan daripada sekarang."

Sara menjadi takut dan berkata, "Saya tidak ketawa!"

"Benar kamu ketawa," kata tetamu dari syurga itu.

Ishaklah anak yang dijanjikan untuk Abraham. Pernah Abraham berkata kepada Allah, "Ah, sekiranya Ishmael diperkenan hidup di hadapan-Mu" (Kej. 17:18). Tetapi Allah berkata, "Tidak, melainkan isterimu Saralah yang akan melahirkan anak lelaki bagimu, dan engkau akan menamai dia Ishak"(Kejadian 17:19). Allah berjanji melalui Ishak akan turun keturunan kekal.

Tepat pada waktu yang dikatakan Allah, Sara melahirkan seorang anak lelaki. Abraham memberi nama "Ishak" kepada anak itu. Ertinya adalah "dia tertawa." Sara berkata, "Tuhan telah memberikan kepada saya hadiah yang membuat saya tertawa dengan gembira. Semua orang yang mendengar tentang anakku akan tertawa gembira bersama saya." Abraham berumur seratus tahun pada waktu itu.

## Saat Berbincang

1. Sara dan Abraham dikurniakan Ishak pada waktu yang sungguh tua sehingga mereka tahu itu bukan atas kebolehan mereka tetapi itu kerja Allah dalam hidup mereka.

Renungkan 1 Korintus 1:28-31 dan bayangkan bagaimana ayat ini sesuai dengan kehidupan Abraham dan Sara.

2. "Percayalah kepada Tuhan dengan segenap hatimu, dan janganlah bersandar pada pengertianmu sendiri." (Amsal 3:5) Saat sesuatu mustahil terjadi dalam hidup apakah yang perlu kita perbuat?

## Ajaran Doktrin

Allah menepati janji-Nya kepada Abraham. Rancangan Allah yang terindah tidak gagal walaupun Sara dan Abraham sudah tua. Kelahiran Ishak adalah kerja ajaib Allah dan bukan hasil usaha Sara dan Abraham.

Abraham mempunyai dua orang anak lelaki, seorang daripada hamba perempuan dan seorang daripada perempuan merdeka. Tetapi anak daripada hamba perempuan itu dilahirkan dengan cara biasa, sedangkan anak daripada perempuan yang merdeka itu dilahirkan kerana janji” (Galatia 4:22-23).

## **Merenungi dan Menerapkan**

Renungilah yang dikatakan oleh Penulis F.B. Meyer dalam buku “The Secret of Guidance” dan berdoa berdasarkan kata-kata ini.

Biarlah kita melayang pandangan kita setinggi-tingginya untuk bimbingan. Mari kita menggalakkan jiwa kita untuk menunggu. Mari kita merendahkan hati kita sebab Dia akan membimbing kita untuk membuat keputusan. Mari kita berdoa untuk pengertian yang tajam agar kita dapat melihat tanda yang paling kecil dalam kehendak-Nya. Biarlah kita berdiri dengan selalu berlekap dan bersedia, dan dengan lampu kita selalu terang untuk mentaati-Nya.

## **Doa**

Tuhan Yesus ajarilah aku untuk menunggu kehendak-Mu terlaksana dalam hidupku. Janganlah aku melangkah tanpa bisikan suara-Mu. Tatkala aku mengambil jalan yang serong, tolonglah aku mendengar teguran dan amaran-Mu. Biarlah aku mendengar ajaran dan teguran guru-guru atau ibubapaku.

## Bab 13

# Lot Diselamatkan Oleh Allah

(Kejadian 19:1-29)



Allah sangat dekat dengan Abraham. Dia tidak akan menyembunyi sesuatu pun daripada Abraham.

Penduduk di Kota Sodom dan Gomorra sangat jahat. Perbuatan mereka banyak membuat orang lain sedih. Allah mahu membinasa kota itu. Pada suatu hari tiga malaikat memberitahu Abraham bahawa Allah akan menghancurkan Sodom dan Gomorra. Penduduk di sini sangat jahat. Lelaki berkahwin dengan lelaki, dan perempuan berkahwin dengan perempuan. Allah mahu lelaki berkahwin dengan perempuan dan bukan dengan sejenis.

Abraham berdoa, "Tuhan, adakah Engkau sungguh-sungguh mahu membunuh semua orang yang baik bersama-sama dengan orang berdosa? Kalau ada lima puluh orang baik, adakah Engkau mahu membinasa kota ini? Tidak mungkin Engkau mahu membunuh semua orang baik bersama orang jahat. Engkau adalah hakim semua orang di seluruh dunia dan Engkau selalu adil."

Abraham berdoa lagi, "Engkaulah Tuhan dan saya manusia. Tolong ampunilah aku. Mungkin sahaja ada empat puluh orang baik walaupun tidak ada lima puluh orang. Adakah Engkau akan membunuh kota ini?"

Jawablah Tuhan, "Kalau Aku menemukan empat puluh lima orang baik dan bukan lima puluh orang, Aku tidak akan membinasanya.

Tanya Abraham lagi, "Kalau ada empat puluh orang?"

Jawablah Tuhan, "Kalau ada empat puluh orang Aku tidak akan membinasa kota ini."

Abraham selanjut mengurangi jumlah dan bertanya kepada Tuhan beberapa kali. Akhirnya Abraham bertanya kepada Tuhan, "Ampunilah Aku Ya Tuhan, bagaimana kalau Engkau menemukan sepuluh orang yang baik?"

Jawab Tuhan, "Kalau di sana Aku menemukan lima puluh orang baik, aku tidak akan menghancurkannya!" Tidak lama lagi Tuhan pun pergi. Abraham sangat sedih kerana tidak ada sepuluh orang salih.

Ketika Lot berdoa di pintu gerbang, malaikat-malaikat tiba di Sodom. Malaikat-malaikat itu ingin Lot meninggalkan rumah mereka dengan segera. Lot mahu bermalam satu malam lagi di kotanya.

Lot menjemput mereka ke rumahnya untuk bermalam. Esok paginya, malaikat-malaikat itu memegang tangan Lot, dan dua anak perempuannya untuk meninggalkan tempat itu. Mereka berkata, "Jangan berpaling dan menoleh tempat itu."

Isteri Lot sayang akan kota itu.

Bolehkah mereka tinggal di kota itu?

Ya, tidak boleh kerana Allah akan mendatangkan api seperti Dia mendatangkan air pada zaman Nuh. Segera, Allah menurunkan api dan hujan api, dan seluruh kota Sodom dihancurkan. Apabila Allah memanggil kita untuk meninggalkan sesuatu tempat, apakah harus kita buat?

"Lot berlambat-lambat, tetapi Tuhan mengasihani dia; oleh itu kedua-dua tetamunya memegang tangan Lot, isterinya, serta kedua-dua anak perempuannya, dan membawa mereka ke luar kota. Selepas itu satu daripada malaikat itu berkata, "Larilah, selamatkanlah diri kamu! Jangan menoleh, dan jangan berhenti di lembah. Larilah ke pergunungan supaya kamu tidak terbunuh!" (Kejadian 19:16-17).

Namun isteri Lot menoleh ke belakang sewaktu berlari dan menukar menjadi tiang garam.

## **Saat-Saat Berbincang**

1. Kenapakah Allah mahu membinasa Kota Sodom dan Gomorra?
2. Dalam cerita ini, apakah yang kita dapat pelajari daripada Abraham?
3. Dalam hal apakah kita sering seperti isteri Lot?

## **Ajaran Doktrin**

Allah adalah hakim yang adil. Hakim yang adil itu akan menghukum orang yang jahat kalau mereka tidak bertaubat dan segera meninggalkan dosa mereka. Banyak dosa terjadi dalam kota Sodom dan Gomorra.

Allah memang berbelas kasihan terhadap Lot dan keluarganya. Lot seharusnya mendengar kepada malaikat dan meninggalkan kota Sodom. Malaikat memegang tangan Lot and membawa dia ke tempat lain. Isterinya tidak menurut dan akhirnya menjadi tiang garam. Kita mesti mendengar suara Allah dan meninggalkan yang jahat dengan segera.

## **Merenungi dan Menerapkan**

Renungkan keadaan dan peristiwa dalam hidupmu di mana kamu berlengah-lengah dan tidak segera berangkat daripada undangan untuk berdosa. Contohnya kalau sekumpulan kawan sedang merokok dan mereka mengundang kamu untuk mengikuti mereka. Atau, kawan-kawan kamu merancang sesuatu yang jahat terhadap salah satu pelajar dan kamu berada di sana.

## **Renungan dan Doa**

Bapa di syurga, saya berterima kasih kerana Engkau menyelamatkan Lot dari api. Ajarlah saya selalu peka mendengar nasihat-Mu. Aku akan segera meninggalkan khemah orang jahat. Ajarlah aku taat dan menurut dengan segera dan tidak seperti isteri Lot yang berlengah-lengah sehingga terlambat.

## Bab 14

# Hagar dan Ishmael Diusir

(Kejadian 21:9-21)



Hagar dan anaknya, Ishmael terpaksa meninggalkan tempat tinggal Abraham. Pada suatu hari, Sara menampakkan Ishmael menghina Ishak sewaktu mereka bermain. Sara tidak suka Ishak diusik selalu oleh Ishmael lalu meminta agar Abraham mengusir Hagar dan anaknya. Lagipun Sara tidak suka Ishmael mendapat harta kekayaan Abraham

“Ishmael ini anak seorang hamba. Dia tidak boleh diberikan warisan daripada Abraham. Itu hanya hak Ishak. Usirlah Hagar dan anaknya dari tempat ini,” kata Sara kepada Abraham.

Abraham sungguh sedih mendengar itu tetapi Allah berkata, “Janganlah bersusah hati kerana hambamu Hagar dan anaknya itu. Buatlah apa yang disuruh oleh Sara kepadamu kerana melalui Ishak, engkau akan mendapat keturunan yang sudah Aku janjikan itu” (Kejadian 21:12). Ishaklah, anak Abraham, yang dijanjikan Allah. Dialah yang akan memberi keturunan yang dipilih oleh Allah untuk Abraham dan bukan Ishmael.

Pada hari esoknya, Abraham memberi bekalan air dan makanan untuk Hagar dan Ishmael. Dia mencium dan memeluk Ishmael sebelum mereka berpisah. Hati Abraham memang berat tetapi Allah berjanji melindungi Hagar dan Ishmael. Dengan sedih, mereka pergi jauh-jauh dari sana dan berjalan melalui gurun Bersyeba yang panas.

Cuaca sangat terik dan air mereka sudah habis. Hagar meletakkan Ishmael di

bawah semak lalu pergi mencari air. Dia pergi ke tempat lain dan duduk di sana sambil menangis. Hagar sungguh sayang akan Ismael dan tidak ingin anaknya mati.

“Jangan biarkan anak saya mati,” kata Hagar sambil menangis kepada Tuhan.

Ishmael menangis dan Tuhan mendengar suaranya. Lalu malaikat berbicara dari syurga, “Hagar, mengapa engkau susah hati? Tuhan sudah mendengar suara anakmu. Pergilah kepada dia, angkat dia dan tenangkan dia.”

Allah juga membuka mata Hagar untuk melihat perigi. Hagar sungguh gembira, dia segera mengisi air dengan berkas kulitnya. Allah melindungi Ismael dan Hagar sepanjang hidup mereka. Ishmael dan Hagar menetap di gurun. Ishmael menjadi seorang pemburu yang tangkas. Ibunya mengahwinkan dia dengan seorang gadis Mesir.

Anak-anak ke mana sahaja kita berada, Tuhan mendengar tangisan kita. Dia tidak akan meninggalkan kita. Kamu boleh berdoa agar Tuhan menolong kamu. Dia mendengar tangisan dan doa kamu. Tenangkan hatimu selalu.

## Saat Berbincang

1. Mengapakah Sara menyuruh Hagar untuk keluar dari rumah mereka?
2. Dapatkah Sara menerima Ishmael sebagai pewaris bersama dengan Ishak kelak?
3. Apakah yang dikatakan Allah kepada Abraham ketika dia sedih?
4. Bagaimanakah Tuhan menolong Hagar dan Ismael sehingga dia mendapat air?

## Ajaran Doktrin

1. Walaupun Abraham sedih atas Ishmael, namun Allah adalah Allah yang tetap tidak berubah. Ishaklah yang dipilih dalam rancangan-Nya. Allah juga adalah Allah yang Maha Esa atas segala yang ditentukan-Nya. Rancangan-Nya tidak dapat diubah oleh rancangan dan kehendak manusia. Tuhan Yesus datang daripada keturunan Ishak dan bukan Ishmael.

## Merenungi dan Menerapkan

1. Allah kita adalah Allah yang Maha Hadir. Pemazmur 139 tahu Allah Maha Hadir dan kita tidak terlepas daripada tangan-Nya. Sekalipun kita membuat khemahnya di lautan, Allah tetap bersama dengan kita dan mengambil berat akan kita. Kehadiran Allah yang Maha Hadir adalah sumber

penghiburan bagi anak-anak yang menjadi musafir di dunia.

Renungkan waktu kamu merasa sepi dan perlu pertolongan namun tiada yang bersamamu. Bagaimana Mazmur 139 beritahu tentang Allah pada saat itu?

## **Renungan dan Doa**

Hanya Kau tempat teduhku  
Perisaiku dan benteng hidupku  
Damai mengalir dalamku  
Panas terik hidup ini tidak melukaku  
Engkaulah air ketenanganku selalu

## Bab 15

# Kasih Abraham Terhadap Allah Diuji

( Kejadian 22)



Abraham sungguh mengasihi Allah. Sesudah Ishak sudah besar, Allah ingin tahu sama ada Abraham tetap percaya dan mengasihi-Nya.

“Abraham!” seru Allah.

“Saya.”

“Abraham, Aku tahu kamu sangat sayang akan Ishak, anakmu yang satu-satunya. Aku ingin kamu membawa dia ke suatu tempat yang bernama Moria. Di sana kamu akan pergi ke satu gunung dan mempersembahkan Ishak sebagai korban kepada Aku.”

Abraham sedih kerana sudah lama dia menunggu kelahiran Ishak dan dia amat menyayangi anaknya. Namun, Abraham percaya dan menurut segala perintah Tuhan. Pada hari esoknya, ketika masih pagi-pagi subuh, Abraham pergi membelah kayu lalu mengikatnya ke atas keldai. Abraham dan hambahambanya membawa barang-barang yang diperlukan untuk perjalanan.

Mereka berjalan selama tiga hari ke gunung itu. Setiba tempat itu, Abraham berkata kepada hamba-hambanya, "Tunggu di sini bersama keldai. Aku dan Ishak akan ke sana untuk menyembah Tuhan. Selepas itu kami akan pulang bersama-sama kamu."

Abraham dan Ishak pun mendaki gunung itu. Abraham membawa sebilah pisau dan arang, dan Ishak pula membawa kayu. Ishak bertanya, "Ayah! Kita ada kayu dan arang. Di manakah anak domba untuk dikorban?" "Allah akan menyediakan domba itu," jawab Abraham.

Setiba di gunung, Abraham mendirikan satu mazbah iaitu tempat menyembah Allah. Dia meletakkan kayu api di atasnya, mengikat Ishak lalu membaringkannya. Selepas itu, dia mengangkat pisau kerana mahu menyembelih Ishak.

Segera, satu malaikat Allah menjerit, "Abraham, Abraham, jangan membunuh anak ini. Aku tahu engkau sungguh-sungguh mengasihi Allah dan menurut segala perintah-Nya. Engkau rela mempersembahkan Ishak, " kata malaikat itu.

Abraham menoleh dan melihat seekor anak domba yang berada di semak-samun. Tanduknya tersangkut di sana. Abraham mempersembahkan domba itu kepada Allah. Lalu dia menamakan tempat itu, "Tuhan menyediakan yang diperlukan."

Kisah ini juga mengingatkan kita Domba Allah yang disediakan bagi kita. Kita semua berdosa dan seharusnya mati bagi dosa kita. Allah telah memberi kepada kita, anak-Nya untuk mati di salib. Tuhan Yesus datang sebagai Domba Allah dan mati di salib sebagai korban dosa kita.

## **Saat Berbincang**

Bayangkan perasaan Abraham ketika menyerahkan Ishak sebagai korban?

Bayangkan perasaan Allah Bapa ketika menyerahkan anak tunggal-Nya Tuhan Yesus kepada dunia ini (Yohanes 3:16).

Bayangkan perasaan kamu sewaktu Allah menyuruh kamu untuk menyerahkan sesuatu demi-Nya.

## **Ajaran Doktrin**

Ishak hampir dipersembahkan sebagai korban bakaran kepada Allah kalau Allah tidak menyuruh Abraham untuk berhenti. Allah memberi seekor domba jantan sebagai gantian.

Demikian juga, kita seharusnya mati kerana dosa kita tetapi Allah mengutus Anaknya, Tuhan Yesus sebagai domba untuk mengambil dosa kita. Dialah korban

yang disediakan Allah. "Keesokan harinya Yohanes nampak Yesus datang kepadanya. Lalu Yohanes berkata, "Lihatlah Anak Domba Allah yang menghapus dosa dunia!" (Yohanes 1:29).

## Merenungi dan Menerapkan

### **Kuserahkan Hidupku (Frances R. Havergal)**

Jiwa ragaku, kepada-Mu kuserahkan  
Pakailah segala waktuku, untuk kemuliaan-Mu

Perintahkanlah hatiku, bertakhta diri-Mu  
Dan kehendak diriku, tidak lagi berlaku

Kasih hatiku, kuserahkan kepada Yesus  
Segenap hidupku, kuserahkan

*Korus*

Dalam darah-Nya yang terindah  
Segenap jiwa ragaku milik-Mu  
Kini dan sampai selamanya

## Renungan dan Doa

Bapa Syurgawi, aku berterima kasih kerana Engkau memberi anak-Mu Tuhan Yesus sebagai korban bagi dosa kami. Saya ingin menyerahkan hatiku kepada Tuhan Yesus. Saya meminta agar Engkau mengampuni segala dosaku dan darah-Mu Tuhan Yesus membasuh dosaku. Aku ingin menyerahkan hati dan kehendakku kepada-Mu.







Tahukah anda sebanyak bintang yang bertaburan di langit dan pasir yang di sisir pantai, demikian juga anak-anak Abraham? Anak-anak kita perlu mempelajari doktrin-doktrin penting daripada cerita-cerita Alkitab dan bukan hanya mengetahui cerita-ceritanya. Buku ini ditulis secara khas untuk menolong para ibu bapa dan guru-guru yang ingin mengajar lebih teliti lagi. Buku ini menguncang cerita daripada Kejadian hingga ke Abraham. Di akhir setiap cerita, beberapa soalan disediakan untuk perbincangan. Musim bergelora akan datang tetapi setiap anak yang berakar dalam firman Tuhan akan berdiri teguh.

*Cik Tan Hwee Yong asyik menguncang cerita Alkitab bagi kanak-kanak dan meletakkan asas-asas doktrin bagi mereka. Dia berkelulusan M. Human Sc. (UIA) dan Master of Arts Th (Saat, Malang). Kini, dia berusaha menulis sebuah thesis yang juga berkaitan dengan mengajar kanak-kanak.*